

DBKL bangunkan 14 parkir bertingkat

Kemudahan itu bagi tangani isu kekurangan parkir, lambakan kenderaan di PA, PPR

KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membangunkan fasiliti 14 tempat letak kereta bertingkat di 14 kawasan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi menangani isu lambakan kenderaan persendirian dan kekurangan parkir di kawasan tersebut.

DBKL dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan, pembinaan fasiliti yang dapat menyediakan sebanyak 7,000 tempat letak kereta itu mengambil kira kepadatan penduduk yang tinggi serta keluasan tapak sedia ada.

Ujar DBKL, antara kawasan



Masalah lambakan kenderaan persendirian di kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR), strata kos rendah dan sederhana di ibu negara ekoran kekurangan parkir.



PA dan PPR yang mempunyai fasiliti itu ialah PPR Pekan, Kepong; PA Seri Sabah, Bandar Tun Razak; PPR Jelatek, Titiwangsa dan PPR Seri Pantai, Lembah Pantai.

Menurut DBKL, dasar awal penyediaan parkir ialah satu perempat (empat unit rumah PPR/PA bersamaan sebuah kereta) daripada jumlah unit yang disediakan dalam sesuatu kawasan dengan lingkungan 80 hingga 300 petak parkir.

“Dasar tersebut ditetapkan berdasarkan kepada status penyewa yang terdiri daripada golongan miskin tegar, miskin dan miskin bandar.

“Bagaimanapun, pertambahan bilangan kenderaan bagi sesuatu kawasan naik secara mendadak pada tahun 2010 kerana unit perumahan sedia ada telah meningkat disebabkan per-

tumbuhan generasi sesebuah keluarga,” jelas DBKL.

Ia susulan laporan mengenai isu lambakan kenderaan persendirian dan kekurangan parkir di PPR, strata kos rendah dan sederhana di ibu negara terus mendatangkan resah dalam kalangan penduduk dan orang awam.

Pelbagai jenis kenderaan termasuk bas, van dan kereta yang diletakkan sembarangan seperti parkir berganda di tepi jalan dan hentian bas sehingga menghalang pergerakan kenderaan lain yang melalui kawasan itu, adalah pemandangan biasa di kawasan kediaman berkenaan.

Dalam pada itu, DBKL turut memaklumkan, sehingga tahun ini, terdapat 67 kawasan PA dan PPR yang terletak di 11 kawasan Parlimen Kuala Lumpur dengan sebanyak 61,534 unit telah ditawarkan kepada orang awam.

- Bernama

Terpaksa parkir di jalan utama



Sinar